

Cukupkah Usaha Barisan Nasional Untuk Menawan Balik Selangor?

Bernama

07 Disember, 2011

Oleh Alan Ting

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Selangor kini kekal sebuah negeri paling sukar untuk direbut oleh parti-parti politik sama ada yang memerintah atau pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang.

Dan atas sebab itu, persaingan untuk menawan Selangor sudahpun digerakkan secara bersungguh-sungguh dengan Barisan Nasional mula mengatur pelbagai strategi. Kempen terakhir "Sayangi Selangor, Yakini BN", memasuki peringkat akhir menerusi program di pelbagai kawasan yang diadakan setiap minggu.

Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mengetuai BN Selangor telah secara terbuka menyatakan BN mahu menguasai balik Selangor, negeri yang paling maju di negara ini.

Ketika melihat Perhimpunan Agung Umno yang baru sahaja berakhir telah menyemarakkan kembali semangat perjuangan dalam Umno, khususnya di kalangan anggota parti dengan matlamat merampas balik Selangor, pemerhati politik tertanya-tanya sama ada parti-parti komponen lain dalam BN sudah melakukan secukupnya untuk meraih sokongan pengundi.

Pengundi di Selangor dikatakan golongan paling sofistikated dan bijak membuat pilihan di negara ini seperti yang digambarkan dengan secara relatifnya tinggi penembusan Internet dan penduduk yang berpendidikan tinggi.

Daripada 56 kerusi negeri di Selangor, dianggarkan 60 peratus majoritinya kawasan Melayu manakala selebihnya sama ada majoriti Cina atau bercampur-campur. BN kini menguasai 20 kerusi dan memerlukan hanya sembilan sahaja kerusi lagi untuk kembali berkuasa.

Daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan, 35 adalah untuk Umno, 14 MCA, empat Gerakan dan tiga MIC.

Pada pilihan raya umum 2008, Umno memenangi 18 daripada 35 kerusi yang ditandingi, sementara Gerakan dan MIC, masing-masing bertanding di empat dan tiga kawasan tetapi gagal memenangi walaupun satu kerusi.

MCA pula hanya menang dua daripada 14 kerusi negeri dan hanya satu kerusi Parlimen daripada semua tujuh kerusi yang ditandingi.

Para pemimpin Umno negeri telah menyatakan ada tanda-tanda di banyak kawasan Melayu, Umno sudah menjadi pilihan. Namun kebimbangan masih lagi di kawasan di mana terdapat ramai jumlah pengundi Cina.

Kaum Cina merupakan kira-kira 34 peratus daripada pengundi di Selangor manakala Melayu 49 peratus dan India kira-kira 14 peratus.

Soalnya apakah yang telah dilakukan oleh parti rakan Umno yang lain untuk merampas

balik kawasan-kawasan yang sudah 'terlepas' dalam pilihan raya yang lalu. Sudahkah MCA, Gerakan dan MIC mencapai kemajuan sejak itu.

Satu tinjauan dalaman BN mendapati pengundi Melayu dan India cenderung ke arah BN walaupun bagi pengundi Cina mereka masih mengambil sikap 'tunggu dan lihat'.

Dengan adanya keadaan sedemikian, menjadi tugas besar bagi MCA dan Gerakan untuk berusaha lebih keras. Sudahkah kedua-dua parti itu berbuat demikian?

Seorang pemimpin bahagian dalam parti komponen BN mendakwa anggota-anggota MCA dan Gerakan kurang berusaha, tetapi setidaknya-tidaknya anggota MIC sudahpun melakukan sesuatu untuk memenangi hati pengundi India.

Ketua Penerangan BN Selangor Datuk Yap Pian Hon berkata anggapan sedemikian timbul kerana tidak banyak publisiti dibuat menerusi akhbar media perdana berbahasa Inggeris dan Melayu.

"Tetapi kita boleh baca tentang program kami dalam akhbar-akhbar Cina, kadang-kadang malah ahli-ahli politik daripada kedua-dua pihak (MCA dan Gerakan) dilihat muncul dalam majlis yang sama," katanya.

"Apabila tidak dilihat berita dalam akhbar-akhbar Melayu dan Inggeris, timbullah perasaan bahawa parti-parti lain selain Umno, tidak berbuat apa-apa, tetapi sebenarnya kami (MCA) melakukan banyak aktiviti dalam komuniti Cina," katanya.

Yap berkata satu lagi sebab mengapa program anjuran MCA tidak mendapat liputan media kerana aktiviti dibuat dalam kumpulan yang kecil seperti berdialog dengan orang ramai.

Setiausaha MCA Selangor, Wong Koon Moon, percaya kurangnya pembahagian sumbangan dana kepada parti-parti komponen BN telah menjejaskan usaha untuk merapati masyarakat.

"Sekiranya ada penyelaras yang baik, dana dapat dibahagikan sama rata di kalangan semua parti komponen," katanya semasa menjelaskan perlunya dana diperuntukkan secara saksama.

"Saya beri satu contoh, apabila sebuah pertubuhan Cina memohon sumbangan bagi satu majlis makan malam, sekiranya tidak dapat menderma banyak, sedikitpun sudah cukup. Namun sekiranya peruntukan tidak ada langsung, bagaimana kami hendak menderma?" beliau bertanya.

Beberapa pemimpin parti komponen BN negeri juga berkongsi pendapat yang sama seperti disuarakan Wong, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Kubu Bharu, yang mendakwa kawasan di mana BN tewas, tiada langsung atau mendapat peruntukan yang sedikit.

Memburukkan lagi keadaan, ada juga tuduhan bahawa sesetengah ahli politik daripada parti komponen meminta rakan politik 'melepaskan' kawasan kerana peluang untuk mereka menang adalah tipis.

"Jika inilah sikap kita, bagaimana boleh kita mengharapkan anggota peringkat bawahan untuk mendapat sokongan pengundi," kata seorang pemimpin komponen BN di peringkat bahagian yang enggan dikenali.

Malah, Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek dilaporkan telah mengeluarkan kenyataan secara terbuka bahawa ada pemimpin MCA di Selangor yang "malas" dan tidak menjalankan tugas seperti yang diharapkan.

Memandangkan pilihan raya umum semakin hampir, sesetengah pengulas politik berpendapat masih ada lagi masa untuk berbuat sesuatu.

Atau, adakah ia sudah terlewat?

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632548>